

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Jumaat, 5 Mac 2021 6:32 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SUASANA PEMBELAJARAN KONDUSIF PILIHAN PELAJAR PULANG KAMPUS



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

5 MAC 2021 / 21 REJAB 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

SUASANA PEMBELAJARAN KONDUSIF PILIHAN PELAJAR PULANG KAMPUS



UUM ONLINE: Bagi memastikan sesi pembelajaran berjalan lancar, seramai 424 pelajar dari negeri Kedah telah kembali ke kampus mulai hari ini.

Pelajar Sarjana Muda Teknologi Maklumat, Nurul Amirah Jasni berkata, dia memilih untuk pulang ke kampus kerana ingin mendapatkan akses internet dan persekitaran belajar yang lebih selesa.

Menurutnya, di UUM telah menyediakan segala kemudahan dan fasiliti lengkap untuk pelajar termasuk kemudahan internet yang laju.

Tambahan pula katanya, sejak penularan Covid-19, banyak kelas dijalankan secara atas talian (online), justeru dengan akses internet yang pantas ini memudahkan lagi dia untuk fokus belajar tanpa masalah.

“Saya bersyukur dan berterima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan UUM kerana membenarkan pelajar untuk pulang ke kampus bagi meneruskan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara *online* dengan keadaan lebih baik dan selesa.

“Pada masa sama, segala arahan dan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan dan universiti tetap diutamakan bagi mengelak sebarang penularan jangkitan Covid-19,” kata pelajar Semester 6 dari Alor Setar itu.

Sementara itu, pelajar Semester 5, Afnan Syamil Mohammad Zamri berkata, sebelum pulang ke kampus, dia memastikan kelengkapan seperti pelitup muka dan cecair basmi kuman disediakan sebagai langkah berjaga-jaga.

Menurutnya, dia ingin memastikan dapat meneruskan sesi pembelajaran dalam keadaan selamat dan sihat.

Tambah pelajar Sarjana Muda Multimedia itu, dia memilih untuk pulang ke kampus walaupun tinggal di Jitra kerana merasakan belajar secara *online* di rumah tidak banyak membantu.

“Selain itu, saya rindukan suasana berada di kampus, justeru saya mengambil peluang diberikan ini untuk kembali sebagai pelajar sebelum tamat pengajian,” katanya.

Naib Canselor, Prof. Dato’ Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, universiti sentiasa mengambil berat dan akan memastikan kebajikan serta kesejahteraan pelajar agar sesi pembelajaran dapat berjalan dengan lancar serta mengikut SOP ditetapkan Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Pengajian Tinggi. Ini selaras dengan hasrat untuk menjadi UUM sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka bertaraf global.

“Saya ucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Seri Dr. Noraini Ahmad atas keprihatinan dan sokongan terhadap kesulitan yang dialami oleh pelajar di institusi pengajian tinggi semasa pandemik kesihatan pada masa ini,” katanya.

Seramai 1,779 pelajar pulang ke kampus secara fizikal mulai hari ini secara berperingkat mengikut negeri dimulakan dari Kedah, diikuti 6 Mac seramai 334 pelajar (Kelantan, Terengganu, Pahang), 7 Mac seramai 120 pelajar (Melaka, Negeri Sembilan, Putrajaya), 19 Mac seramai 183 pelajar (Perlis, Sabah dan Sarawak), 20 Mac seramai 346 pelajar (Pulau Pinang dan Perak) dan 21 Mac seramai 372 pelajar (Johor dan Selangor).





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.